

Headline	Manfaat aplikasi mudah alih myTNB		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	23 Dec 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	19
ArticleSize	209 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,392		



Ahmad Rezahan dan Mohd Sofi (tengah) bersama penerima sumbangan pada program diadakan.

Manfaat aplikasi mudah alih myTNB

ALORGAJAH - Pengguna smart meter atau meter pintar di Melaka disarankan supaya memanfaatkan aplikasi mudah alih myTNB bagi membuat semakan penggunaan bil elektrik semasa mereka.

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Tenaga Nasional Berhad (TNB) negeri, Ahmad Rezahan Mohammad berkata, setakat ini dianggarkan lima peratus pengguna telah menggunakan aplikasi pertama TNB itu.

Menurutnya, ia penting bagi mengukur dengan cekap kadar penggunaan elektrik di rumah dalam tempoh setiap setengah jam sekali gus mengelakkan pengguna menerima maklumat yang menyeleweng berkenaan kelebihan penukaran meter biasa kepada smart meter.

"Menerusi aplikasi itu pengguna boleh

buat aduan sekiranya mempunyai masalah mengenai smart meter yang sebenarnya merupakan satu inisiatif TNB tambah baik sistem itu dan bukan bertujuan memberi kesan negatif kepada bil elektrik pengguna seperti tular sebelum ini.

"Bila kita guna myTNB, ia dapat bantu pengguna guna elektrik lebih berhemah dan cermat, jika hari ini guna terlalu banyak, esok mungkin boleh rancang guna elektrik dalam kadar rendah kerana setiap setengah jam akan dapat melihat kadar penggunaan itu," katanya.

Ahmad Rezahan berkata demikian ketika program kembali ke sekolah TNB 2019 peringkat Dun Durian Tunggal yang disempurnakan Adun Durian Tunggal, Datuk Mohd Sofi Wahab di Dewan Kompleks Japerun Durian Tunggal.